

NO. SOALAN : 438

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG  
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KEDUA**

**PERTANYAAN : BERTULIS/BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN  
AWANG**

**[ MARANG ]**

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang [ Marang ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan apakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk  
meminda Akta GSA bagi membolehkan hak milik Peneroka Muslim  
diturun milik mengikut Hukum Faraid selepas kematian Peneroka Asal?**

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak berhasrat untuk meminda Akta GSA kerana pemilikan tanah GSA 1960 adalah berkonsepkan pemilikan secara kontruktual antara Kerajaan Negeri, FELDA dan Peneroka. Status pembahagian harta peneroka FELDA selepas kematian dibuat mengikut hukum Faraid dan seiring dengan Akta GSA. Akta ini hanya membenarkan dua (2) nama pemegang (pemilik). Jika melebihi dari dua nama waris maka akan dilantik Pentadbir mengikut Akta Pusaka Kecil 1955. Pentadbir wajib membahagikan hasil atau manfaat harta tersebut mengikut hukum Faraid seperti Perintah yang dikeluarkan oleh Pusaka Kecil. Pemilikan harta ini adalah pemilikan manfaat dan bukannya pemilikan mutlak kerana semua waris peneroka mempunyai hak ke atas harta tersebut.

Sekian, terima kasih.